

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK :
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENSYARAH :
EN. NURHALIM HJ. IBRAHIM

KUMP. 35
PENULIS

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAN BT. HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

KURSUS EPS 211
MASYARAKAT DAN PERUBAHAN

TAJUK:
ADAT PERPATIH - PERBANDINGAN ANTARA SUKU
PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA
DI LUAK ULU MUAR

PENULIS:

SULAIMAN B. HJ. BAHARIN	(43735)
FADILAH BTE IDRIS	(44017)
SALIM B. ATAN	(41876)
RAMLAH BT HJ. AMIN	(42589)
JASUDIN B. MAMAT	(41799)

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG SELANGOR

08 SEPTEMBER 1995

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Segala puji-pujian ke atas Allah SWT dan junjungan besar

Nabi Muhammad SAW

Terlebih dahulu ingin dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami telah dapat menyempurnakan tugas dan penulisan ini dengan jaya. Tugas berkumpulan dan penulisan ini dihasilkan bagi memenuhi syarat Kursus EPS 211 Masyarakat dan Perubahan bagi semester 1 ini.

Sesungguhnya kejayaan penghasilan penulisan ini adalah hasil kerjasama dan gabungan tenaga dan fikiran semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus untuk mencari dan mengumpul maklumat bagi memenuhi maksud tajuk tugas ini iaitu Adat Perpatih: Perbandingan Antara Suku Paya Kumbuh Dengan Suku Biduanda Di Luak Ulu Muar, Negeri Sembilan.

Kesempatan ini juga diambil bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelaras Kursus ini iaitu Encik Nurhalim Hj. Ibrahim yang turut menyumbangkan buah fikiran serta tunjuk ajar bagi menyempurnakan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada dua orang sumber utama iaitu Dato' Hj. Idris Tain dan Dato' Jong Kaya Hj. Mohammad B. Said yang banyak memberi maklumat tentang suku Paya Kumbuh dan suku Biduanda Waris kepada kumpulan ini semasa ditemu ramah. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga mereka di atas layanan mesra semasa kunjungan muhibah kami.

Akhir kata, adalah diakui bahawa penulisan ini masih belum sempurna dan mantap. Oleh itu, sebarang teguran membina amatlah diperlukan bagi memperbaiki penulisan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Penulis:

Sulaiman B. Hj. Baharin (43735)

Fadilah Bte Idris (44017)

Salim B. Atan (41876)

Ramlah Bt Hj. Amin (42589)

Jasudin B. Mamat (41799)

Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

08 September 1995

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Adat Perpatih Secara Umum	3
1.2	Ruang Lingkup	5
1.3	Batasan Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	5
2.0	SEJARAH LUAK ULU MUAR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Asal-usul Nama Luak	8
2.3	Sejarah Ulu Muar	14
2.3.1	Persempadanan Ulu Muar	17
2.3.2	Penduduk Asal	19
2.3.3	Kedatangan Orang Minang- kabau	21
2.4	Pentadbiran Luak	24
2.4.1	Fungsi Lembaga dan Buapak	26
2.4.2	Pesaka Penghulu Luak	27
3.0	SUKU PAYA KUMBUH	33
3.1	Asal-usul	33
3.2	Sistem Pentadbiran	35

3.2.1	Pesaka Lembaga	36
3.2.2	Tugas Utama Dato' Lembaga	38
3.2.3	Proses Kerjan	39
3.3	Adat Istiadat	40
3.3.1	Perkahwinan	40
3.3.2	Mas Kahwin	43
4.0	SUKU BIDUANDA	44
4.1	Asal Usul/Latar Belakang Suku Biduanda Di Ulu Muar	45
4.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	46
4.3	Adat Istiadat	47
4.3.1	Mas Kahwin	47
4.3.2	Kahwin Sesama Suku	47
5.0	PERBANDINGAN ANTARA SUKU PAYA KUMBUH DENGAN SUKU BIDUANDA WARIS	49
5.1	Taraf Suku	49
5.2	Struktur Organisasi Pentadbiran	50
5.3	Gelaran-gelaran	52
5.4	Adat Istiadat	53
5.4.1	Mas Kahwin	53
5.5.2	Kahwin Sesuku	54
6.0	KESIMPULAN	55

DAFTAR RAJAH

1. Peta Luak Ulu Muar
2. Salasilah Keturunan Pembesar di Negeri Sembilan
3. Salasilah Keturunan Keluarga Minangkabau di Ulu Muar
4. Struktur Organisasi Pentadbiran Adat Luak Ulu Muar
5. Senarai Pesaka Penghulu Luak Ulu Muar
6. Rajah Senarai Buapak Suku Paya Kumbuh di Ulu Muar
7. Senarai Penyandang Pesaka Lembaga Suku Paya Kumbuh di Luak Ulu Muar
8. Kadar Mas Kahwin Dalam Suku Paya Kumbuh
9. Struktur Organisasi Pentadbiran Suku Biduanda di Luak Ulu Muar
10. Kadar Mas Kahwin Luak Ulu Muar (Suku Biduanda)
11. Struktur Organisasi Pentabiran
12. Perbandingan Gelaran-gelaran Antara Suku Paya Kumbuh dengan Suku Biduanda
13. Perbandingan Kadar Mas Kahwin Antara Suku Paya Kumbuh dengan suku Biduanda

BAB DUA

2.0 SEJARAH LUAK ULU MUAR

2.1 Pengenalan

Mengikut sejarah, pembentukan kerajaan Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada lima luak. Fakta ini terkandung dalam perlembagaan negeri sebagai 'UNDANG YANG EMPAT'.

Ulu Muar merupakan salah satu daripada lima pentadbiran luak tersebut di samping Luak Sungai Ujong, Luak Rembau, Luak Jelebu dan Luak Johol. Luak Ulu Muar ini terletak di dalam 'Luak Tanah Mengandung' di samping empat luak yang lain iaitu, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Dari segi kedudukan geografinya, Luak Ulu Muar terletak kawasan tengah Negeri Sembilan yang dikelilingi oleh Luak Terachi di sebelah barat, Luak Jelebu disebelah barat laut, Luak Jempol di sebelah timur laut, Luak Johol di sebelah timur, dan, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas di sebelah selatannya.

2.2 Asal-usul Nama Luak

Menurut pertuturan sejarah lisan di Negeri Sembilan

J.E. Nathan dan R.O. Winstedt dalam 'Papers On Malay Subjects' membahagikan pentadbiran di negeri ini kepada tiga periodisasi, iaitu:

- i. Peringkat Awal abad dengan dipecahkan kepada empat negeri Sakai (iaitu Sungai Ujong, Klang, Jelevu dan Johol),
- ii. Peringkat peralihan dengan empat negeri Sakai kepada sembilan negeri Minangkabau di bawah kuasa Johor, dan
- iii. Peringkat moden apabila sembilan Minangkabau itu membentuk kerajaan sendiri dengan perlembagaan bebas di bawah raja mereka sendiri bergelar Yang di-Pertuan Besar (Yamtuan).

Lima luak yang termasuk dalam 'Luak Tanah Mengandung' ini ialah Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Setiap penghulu luak dalam lima Luak Tanah Mengandung menjadi pembesar kepada Yamtuan mengikut perjanjian tahun 1293 Hijrah bersamaan 1876 Masihi. Dalam beberapa kajian sebelum ini telah timbul kekeliruan tentang sembilan negeri yang bergabung dalam 'Negeri Sembilan' apabila Raja Melewar menaiki tahta tahun 1773.

Manakala Nathan dan Winstedt turut memasukkan Pasir

Jelai dan Ulu Pahang dalam sembilan negeri berkenaan. Tetapi kemudiannya Pasir Besar diletakkan di bawah Ulu Muar apabila tarafnya tidak lagi sebagai luak. Sementara Jelai dan Ulu Pahang mengalami keadaan yang serupa apabila Jelai diletakkan di bawah Inas dan Ulu Pahang pula menjadi sebahagian daripada Luak Jempol.

Walau bagaimanapun, selepas tahun 1898 kedudukan kelima-lima Penghulu Luak di Luak Tanah Mengandung mulai menurun. Ini berikutan dalam satu perjanjian antara Undang Yang Empat bersama Yamtuan Tuanku Muhammad dengan E.W Birch yang mewakili kerajaan Inggeris.

Menurut A. Samad Idris dalam 'Tahta Kerajaan Negeri Sembilan' (1961) bahawa kedudukan kelima-lima penghulu di Luak Tanah Mengandung ini dalam istiadat rasmi di istana Seri Menanti.

"...Sebelum ini juga telah diadakan mengadap tetapi tidak dilakukan secara istiadat seperti yang ada sekarang ini, setelah perjanjian antara Undang dengan Yamtuan pada tahun 1898 dibuat, maka Undang Yang Empat ini tidaklah mengadap ke Seri Menanti seperti yang dilakukan oleh Undang yang terdahulu. Dato'-dato' yang mengadap itu hanya terbatas kepada dato'-dato' penghulu Luak Tanah Mengandung dan juga penghulu-penghulu Luak Gemencheh, Air Kuning dan Dato' Muda Linggi sahaja, iatiadat ini

dilakukan tiap-tiap tiga tahun sekali dan biasanya diadakan pada tiap-tiap lepas hari raya haji..."

(Abdul Samad Idris, 1961)

Kedudukan lima luak ini pula adalah berpusat di istana Seri Menanti, tidak seperti 'Luak Yang Empat' lagi berpusat di Balai Undang. Apabila Raja Melewar membawa angkataannya menuju ke Negeri Sembilan sekitar abad ke-18, angkatan tersebut terpaksa berperang dengan anak-anak raja Bugis di Naning. Selepas berjaya mengalahkan angkatan anak-anak raja Bugis, Raja Melewar terus ke Rembau dan terus bersemayam di Astana Raja, Penajis. Di sinilah timbulnya perbilangan selepas Raja Melewar itu menaiki tahta di Seri Menanti:

Tanah kerjan (kerajaan) di Penajis
Tanah Mengandung di Seri Menanti.

Oleh yang demikian, luak yang termasuk di dalam 'Tanah Mengandung' ialah wilayah di bawah kekuasaan Seri Menanti. Dalam catatan dato'-dato' lembaga di Luak Ulu Muar tentang penjelasan 'Tanah mengandung' seperti berikut:

"... 'Tanah Mengandung' adalah sebidang tanah kepunyaan suku Selemak (Seri Lemak) Minangkabau Ulu Muar. Tanah ini telah dikurniakan oleh dato lembaga suku Selemak Minangkabau atas perkenan Penghulu Luak Ulu Muar kepada Yamtuan Seri Menanti untuk mendirikan istana dan zuriat ke bawah duli tuanku.

Hingga sekarang ini masih boleh dilihat tanda pemberian sekeping tanah tersebut iaitu sehelai kain putih yang disebut 'Jejak-jejak' dalam adat. Kain putih ini direntang di dalam balairong seri di hadapan singgahsana. Kain atau jejak-jejak ini adalah kepunyaan Dato Senara Muda - Lembaga Yang Empat, Ulu Muar.

Surau di Istana Besar Seri Menanti itu juga pegawainya daripada suku Selemak Minangkabau iaitu Khatib Raja. Begitulah besarnya pengorbanan Penghulu Luak Ulu Muar demi menengakkan tahta tuanku Yamtuan Besar..."

Dalam tahun 1874 berlaku satu permusuhan antara Seri Menanti beserta Luak Tanah Mengandung dengan Sungai Ujong. Krisis ini berpunca apabila Yamtuan Antah memberi sokongan terbuka baginda kepada Dato Shahbandar yang berperang dengan Dato' Kelana Putera Sungai Ujong ekoran daripada rasa tidak puas hati Dato' Shahbandar Tunggal terhadap perjanjian yang ditandatangani oleh Dato' Kelana Putera dan Dato' Muda Linggi dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Peperangan ini meletus dan berakhir dengan kekalahan. Akibatnya, berdasarkan perjanjian pada 23 November 1876, Yamtuan Antah hanya berkuasa di seri Menanti yang meliputi Johol, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.

Apabila Raja Melewar menaiki tahta, kedudukan lima

luak 'Tanah Mengandung' ini tidak sama dengan luak-luak yang memegang Undang Yang Empat. Bagaimanapun, dalam perjanjian bertarikh 4 Jun 1887, penghulu-penghulu 'Tanah Mengandung' ikut serta menandatangani perjanjian tersebut. Dokumen perjanjian ini mengesahkan bahawa lima luak 'Tanah Mengandung' yang terbabit tidak dipertikan lagi kedudukannya dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Dengan ini, persatuan sembilan negeri itu berdasarkan perlembagaan negeri 1895, ialah:

1. Sungai Ujong
2. Jelebu
3. Johol (termasuk Inas)
4. Rembau
5. Tampin
6. Ulu Muar
7. Jempol
8. Terachi
9. Gunung Pasir

Dengan termeterai perjanjian ini, gabungan sembilan negeri ini sebelum ini tidak berfungsi. Sembilan negeri itu ialah:

1. Sungai Ujong
2. Jelebu

3. Johol
4. Rembau
5. Jelai (kemudian Inas)
6. Kelang
7. Naning
8. Segamat (dan Pasir Besar di bawah Jempol)
9. Ulu Pahang (Kenaboi kemudiannya masuk ke Jelebu)

2.3 Sejarah Ulu Muar

Berdasarkan sumber pertuturan lisan orang tua-tua, banyak unsur mitos tentang asal nama Ulu Muar. Ada yang menyatakan kisah kedatangan tujuh orang perantau Hindustan yang memudiki sebatang sungai berpindah dari Singapura ke satu penempatan. Di situlah mereka diserang oleh ratusan belalang kunyit yang mana kemudiannya menyebabkan mereka mulai 'muak' iaitu jemu untuk memudiki sungai berkenaan. Berdasarkan perkataan 'muak' inilah kemudiannya bertukar menjadi Ulu Muar.

Berdasarkan ilmu geografi, sungai Muar telah wujud sejak berkurun-kurun dengan hulunya di Pahang melalui Tasik Bera. Tetapi dalam proses 'tawanan' sungai, berlaku pempendapan yang banyak menyebabkan Tasik Bera tertimbus. Akibat

daripada proses hakisan ini berlakunya tawanan sungai hingga hulu Sungai Muar terputus berhampiran Temerloh, lantas mengalir memasuki Sungai Pahang yang ada sekarang.

Manakala muaranya pula, pada suatu ketika dahulu dikatakan lebih lebar dan dalam. Sesuai dengan tanggapan pengkaji sejarah di Johor bahawa Muar diambil daripada perkataan sanskrit iaitu 'muara'. Ulu Muar yang menjadi salah sebuah luak Tanah Mengandung ini pula terletak di hulu sungai berkenaan.

Menghuraikan proses tawanan sungai dalam ilmu geografi, Harun Che Su melalui bukunya 'Geografi Fizikal' (1981) menjelaskan bahawa

"...Tawanan sungai adalah satu proses yang berlakunya pertemuan dua batang sungai yang berbeza, yang mengakibatkan air dari satu sungai itu mengalir masuk ke dalam lurah sungai yang satu lagi. Tawanan sungai boleh berlaku oleh kerana beberapa sebab; sebabnya ialah berlakunya proses unduran sungai hasil daripada hakisan belakang sungai. Akibatnya sungai menjadi panjang ke hulu."

Menurut catatan dalam 'Sejarah Melayu', Muar disebut sebagai wilayah yang telah wujud sejak abad ke-13. Peristiwa Raja Iskandar melarikan diri dari Singapura selepas kalah dalam peperangan dengan Majapahit, menyebabkan beliau

lari ke Seletar lalu ke Muar. Berdasarkan peristiwa tersebut sudah tentulah kejadian itu berlaku sebelum tahun 1400 Masihi.

Jika dibandingkan dengan sebagaimana yang diriwayatkan tentang kedatangan tujuh orang Hindustan maka peristiwa dalam Sejarah Melayu itu lebih meyakinkan kewujudan Muar,

"...Syahdan, patahlah perang orang Singapura. Maka Raja Iskandar pun berlepas turun dari Seletar lalu ke Muar...."

(Sejarah Melayu,)

Lalu Ulu Muar sendiri sudah wujud semenjak pemerintahan Melaka lagi. Berdasarkan sumber 'Sejarah Melayu' juga amat jelas menunjukkan bahawa nama Ulu Muar bukanlah berpunca daripada perkataan 'muak'. Dalam masa kerajaan Melayu wujud di Temasik memang Muar dan sungainya sudah pun bernama.

Haji Buyung Adil dalam 'Sejarah Johor' (1979) juga memberi bukti kukuh bahawa Muar sudah wujud sebelum awal abad ke-18. Nama 'Muar' memang berasaskan daripada perkataan asal 'muara' yang seerti dengan 'kuala'. Beliau menulis;

"...Dalam tahun 1604, dengan usaha seorang pegawai Portugis di Melaka bernama Godinho d' Eredia, orang-orang Portugis telah men-


dirikan sebuah kota kecil di Kuala Muar, dan kota itu disebut orang-orang Portugis namanya Fortaleza de Muar..."

Sumber sejarah ini sudah tentu tidak boleh dipertikaikan lagi tentang wujudnya Muar di Kuala atau muara sebatang sungai yang lebar serta dalam sebelum abad ke-18. Sudah menjadi kelaziman pula pada zaman lampau sungai adalah jalan diberi nama Muar, di sebelah hulunya tentulah diberi nama Ulu Muar.

2.3.1 Persempadanan Ulu Muar

Dari segi persempadanan, Ulu Muar terletak di dalam daerah Kuala Pilah iaitu disempadani oleh Jempol disebelah Timur Laut, Johol di sebelah Timur, Gunung Pasir dan Inas di sebelah Selatan, Terachi di sebelah Barat dan Jelebu di sebelah Barat laut. Jaraknya dari bandar Seremban ialah kira-kira 40 km atau kira-kira 50 minit perjalanan dengan kenderaan. Bandar Kuala Pilah sekarang termasuk dalam Luak Ulu Muar. Oleh kerana dalam sejarah terawal kerajaan Melayu tidak ada catatan tentang nama Kuala Pilah atau Seri Menanti, maka dipercayai Ulu Muar telah wujud sebagai penempatan lebih awal daripada Kuala Pilah atau Seri Menanti. Pangkalan yang digunakan untuk menghilir ke Muar terletak di belakang Pejabat daerah sekarang.

Rajah 1: PETA LUAK ULU MUAR



Daripada catatan sejarah terawal kerajaan Melayu kita dapat membuat kesimpulan bahawa Luak Ulu Muar pada masa lampau adalah daerah Kuala Pilah yang ada sekarang. Sempadan kawasannya juga adalah dirujukkan kepadasempadanan daerah Kuala Pilah.

2.3.2 Penduduk Asal

Pertalian antara penghulu-penghulu luak di Negeri Sembilan menggambarkan mereka daripada satu keturunan sahaja. Jurai keturunan mereka berasal daripada batin Seri Alam. Bermula dari tokoh berkenaanlah wujudnya pemerintahan di Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol yang mana sehingga sekarang masih kekal sebagai wilayah 'Undang Yang Empat'.


Luak Ulu Muar mempunyai hubungan yang akrab dengan Luak Johol dari segi kependudukan mahupun sempadan wilayah. Salasilah keturunan mengikut cerita lisan memang terlalu kompleks untuk dianalisis, tetapi daripada beberapa sumber ternyata penduduk asal di Ulu Muar tetap Orang Asli. Ini dapat dilihat dalam tulisan tentang Johol oleh Martin Lister yang membuat penilaian tentang Ulu Muar:

"...Tidak berapa jelas sama ada Dato' Johol sudah memeluk Islam, memandangkan beliau mengirimi batin Sakai sebagai penghulu. Suatu ketika selepas ini, satu keluarga peneroka Minangkabau dari Selemak telah datang dari Pahang, setelah mendengar orang-orang sengeri dengan mereka sampai di Ulu Muar. Keluarga orang Minangkabau ini sampai di Ulu Muar. Keluarga orang Minangkabau ini seorang lelaki bersama isterinya, dua anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak lelakinya berkahwin dengan anak perempuan penghulu Sakai dari Johol. Mereka mendapat seorang anak lelaki. Anak perempuan penghulu Sakai meninggal dunia semasa anaknya berumur enam tahun, dan anak itu dilantik menjadi penghulu...."

Berdasarkan catatan Martin Lister, jelas bahawa berlaku kedatangan orang-orang dari luar Muar yang menetap, berkahwin (dengan orang Asli) dan berkembang kelompok keluarganya. Orang luar itu ialah peneroka Minangkabau dari Sumatera. Bahkan juga salasilah keturunan pembesar-pembesar di Negeri Sembilan berkait rapat dengan ketua-ketua Orang Asli. Dengan ini, kependudukan semua wilayah di Negeri Sembilan bermula daripada Orang Asli seperti yang terdapat dalam carta salasilah berikut:

Rajah 2: SALASILAH KETURUNAN PEMBESAR

DI NEGERI SEMBILAN



2.3.3 Kedatangan Orang Minangkabau

Penempatan orang Minangkabau di Ulu Muar tidaklah berhijrah dalam satu masa. Mereka datang berperingkat-peringkat mengikut kaum kerabatnya yang sudah membuat penempatan sebelum itu.

Masa kehadiran sebenar orang Minangkabau ke Ulu Muar agak terlalu sukar untuk diketahui. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada beberapa catatan tokoh-tokoh sejarah maka kedatangan mereka ini ke Negeri Sembilan khususnya di Naning dan Rembau ialah pada sekitar abad ke-12 hingga abad


ke-13 Masihi. Kedatangan mereka ke negeri ini pada awalnya sebagai peneroka dan sedikit-sedikit sebagai pedagang. Faktor-faktor penolak merupakan faktor utama orang Minangkabau keluar merantau ke Semenanjung Tanah Melayu. Dari Rembau dan Naning inilah, orang-orang Minangkabau terus tersebar datang ke daerah-daerah dan tempat-tempat lain di Negeri Sembilan termasuk ke Ulu Muar.

Berdasarkan pertuturan lisan orang tua-tua, kedatangan tujuh orang Hindustan dari Singapura pada abad ke-18 itulah sebenarnya orang Minangkabau yang lari dari Johor kerana berlaku krisis. Mereka ini dikatakan telah menyamar sebagai Hindustan. Orang Minangkabau ini dipercayai diketuai oleh Mogek Si Ramo (Megat Sri Rama) seorang pembesar Johor yang terbabit dalam pembunuhan Sultan Mahmud II pada tahun 1699 Masihi.

Tetapi, satu pertuturan lisan lain orang tua-tua di Ulu Muar yakin bahawa Banun sebagai peneroka terawal di luak ini. Banun adalah antara tujuh orang peneroka yang datang bersama Mogek Si Ramo yang menyusul cabang anak sungai lain terus ke Seri Menanti. Manakala, rakan-rakannya yang lain, Dato' Perdana, Dato' Purba dan Nenek Gadih bersama suaminya, Dato' Bujang, menetap di Pasir Besar. Hanya

Banun dan suaminya, Sheikh Abdul Rahman mengambil keputusan menetap di Ulu Muar. Daripada keturunan mereka inilah bermulanya Penghulu Luak Ulu Muar. Selepas Banun membuka penempatan inilah sekeluarga orang Minangkabau dari Pahang berhijrah ke Ulu Muar. Mereka terdiri daripada suami isteri bersama dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki dikenali sebagai Khatib Akhir (A. Samad Idris dan rakan-rakan, 1994: 22). Keluarga berkenaan daripada suku Selemak (Pahang). Anak keluarga tersebut, Khatib Akhir, kemudiannya berkahwin dengan anak perempuan Banun bernama Tengkis. Hasil perkongsian hidup mereka maka lahirlah seorang anak lelaki bernama Naam yang kemudiannya menjadi Penghulu Luak Ulu Muar yang pertama.

Rajah 3: SALASILAH KETURUNAN KELUARGA MINANGKABAU
DI ULU MUAR



Kedatangan orang-orang Minangkabau ini turut disertai oleh dato'-dato' lembaganya dari beberapa wilayah yang kemudiannya ditetapkan sebagai 'suku' dalam peraturan

mereka di sini. Antara gelombang pertama kedatangan orang-orang Minangkabau ini di sekitar abad ke-18 ialah Dato' Raja Lembaga Suku Batu Hampar, Sutan Semanik dan Sutan Johan Kebesaran Lembaga Suku Tanah Datar dan Dato' Puteh Lembaga Selemak Minangkabau.

Selepas penempatan mereka ini semakin ramailah orang Minangkabau berhijrah. Mereka juga semenda-menyemenda antara satu sama lain. Semakin ramai penduduknya, mereka menetapkan dato'-dato' lembaga dan buapak untuk memerintah suku masing-masing hinggalah berkembang ke seluruh Luak Ulu Muar. Kehadiran mereka meneroka perkampungan baru dalam wilayah yang mempunyai pemerintah sama iaitu Kesultanan Johor, dan ini disebutkan dalam perbilangannya:

Beraja ke Johor
Bertali ke Siak
Bertuan ke Minangkabau.


2.4 Pentadbiran Luak

Sistem pentadbiran adat Luak Ulu Muar berlanan sedikit daripada luak-luak lain. Penghulu Luak Ulu Muar adalah pemerintah tertinggi sebagai imam kepada penghulu-penghulu luak lain di 'Tanah Mengandung'. Beliau mempunyai

ikatan kekeluargaan dengan istana.

Struktur organisasi pentadbiran adat di Luak Ulu Muar dapat dirumuskan seperti berikut:

Rajah 4 : STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN ADAT
LUAK ULU MUAR



Kedudukan Penghulu Luak Ulu Muar dalam pentadbiran sistem beraja dalam Negeri Sembilan mempunyai dua fungsi iaitu selaku pemerintah Luak Ulu Muar dan pengetua Istana Besar Seri Menanti.

2.4.1 Fungsi Lembaga dan Buapak

Terdapat lapan belas orang dato' lembaga walaupun jumlah suku hanya dua belas dalam Luak Ulu Muar. Lebihan jumlah dato' lembaga berbanding dengan jumlah suku adalah disebabkan wujudnya Lembaga Tambahan bagi melicinkan pentadbiran adat di kalangan kependudukan anak-anak buah yang semakin bertambah ramai.

Lembaga-lembaga yang dibantu oleh buapak suku masing-masing menjadi penasihat utama kepada Dato' Penghulu Luak melaksanakan peraturan adat. Dalam struktur pentadbiran dato'-dato' lembaga di Ulu Muar ini, kuasa dan kedudukan lembaga itu terdiri daripada Lembaga Yang Empat, Lembaga Yang Delapan dan empat orang lagi sebagai Lembaga Tambahan serta dua orang pembesar iaitu Dato' Maharaja Baginda dan Dato' Perdana yang turut bertaraf lembaga.

Kedudukan Lembaga Yang Empat yang juga disebut

`Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar', `Tiang Kerajaan Kepada Yamtuan Besar' dan `Umpan Pelayang Kepada Keadilan' adalah lebih kanan daripada lembaga yang lain di Luak Ulu Muar. Manakala Lembaga Tambahan pula mempunyai fungsi yang sama dengan Lembaga Yang Empat dan Lembaga Yang Delapan dalam beberapa tugas seperti nikah kahwin, tanah adat, berkadim dan soal-soal yang berkaitan dengan anak buah dalam lingkungan mereka.

Struktur pentadbiran dalam adat perpatih ialah suku yang diketuai oleh lembaga, manakala setiap suku pula mempunyai beberapa perut. Buapak adalah ketua bagi setiap perut yang terlingkung dalam suku berkenaan. Struktur ini dapat dijelaskan sebagai perbilangan adat, iaitu:

Alam beraja
Luak berpenghulu
Suku berlembaga
Anak buah berbuapak.

2.4.2 Pesaka Penghulu Luak

Susur galur keturunan Penghulu Luak Ulu Muar mempunyai kaitan dengan tahta kerajaan Negeri Sembilan. Ikatan tali persaudaraan antara Penghulu Luak Ulu Muar dengan

kerabat diraja Seri Menanti sudah mula sejak Raja Melewar berkahwin dengan Sani anak perempuan Penghulu Naam iaitu penghulu luak yang pertama. Hubungan tersebut kekal sehingga sekarang seperti kata dalam perbilangan adat:

Darah setitik dari keadilan
Tanah sekepal dari air kaki.

Gelaran penyandang pesaka penghulu luak ialah Dato' Bendahara Setia Maharaja, Setia Lela Pahlawan. Walau bagaimanapun pesaka ini hanya boleh diwarisi oleh suku biduanda berdasarkan tanggapan bahawa emaknya adalah daripada waris biduanda berketurunan Orang Asli. Ini bertepatan pula, tentang Tengkis atau Senduk Emas didatangkan dari Luak Inas dan bukan orang Minangkabau yang datang dari Singapura (Johor).

Proses perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar berlaku apabila dato' penghulu meninggal dunia atau meletakkan jawatan. Apabila Penghulu Luak Ulu Muar meninggal dunia pesaka akan digantikan oleh Dato' Perdana dengan pesaka Dato' Perdana pula diambil alih oleh Dato' Purba. Dengan ini pesaka Dato' Purba yang kosong perlu dibuat lantikan baru, iaitu digantikan oleh perut daripada waris dato' penghulu yang meninggal.

Begitulah juga sekiranya Dato' Perdana atau Dato' Purba pula yang meninggal dunia, penggantinya diambil daripada perut masing-masing untuk menjamin kelancaran proses pemilihan dato' penghulu supaya adil mengikut aturan dan giliran masing-masing.

Sebaliknya, jika berlaku perletakan jawatan oleh Penghulu Luak Ulu Muar keadaan atau proses perlantikan pengganti tidak banyak berubah atau mengubah aturan giliran. Kedudukan Dato' Perdana dan Dato' Purba kekal manakala waris atau perut terdekat dengan penghulu berkenaan akan dilantik sebagai pengganti dato' penghulu.

Berdasarkan penghulu yang ke enam, didapati tiga perut ditetapkan berhak untuk menggilirkan pesaka Penghulu Ulu Muar, Dato' Perdana dan Dato' Purba iaitu:

- i. Perut Pasir Panjang
- ii. Perut Gemetir
- iii. Perut Kayu Ara

Sementara itu pula, di samping Dato' Perdana dan Dato' Purba, seorang lagi tokoh daripada suku Selemak Pahang bergelar Dato' Baginda Maharaja merangkap 'Haluan Sembah' kepada penghulu luak. Pesaka ini bermula daripada

Khatib Akhir atau nama sebenarnya Haji Salleh iaitu ayah kepada Penghulu Naam. Ketika menjadi penghulu luak, Dato' Naam hanya berumur enam tahun. Pada masa inilah ayahnya Haji Salleh membantu penghulu luak dalam pengurusan adat istiadat. Setelah dewasa, barulah Penghulu Naam dianugerahkan gelaran pesaka Dato' Baginda Maharaja sebagai Orang Besar Luak bertaraf lembaga. Bahkan semasa istiadat mengadap di Istana Besar Seri Menanti Dato' Baginda Maharaja mendahului dato'-dato' lembaga di 'Tanah Mengandung' mengadap sebagai serampu lembaga.

Semasa memulakan upacara, beliau akan memanggil dato'-dato' lembaga mengadap dengan menuturkan:

Matahari sudah celik
Bulan sudah terang
Bintang suda bercahaya
Jangan beralih, jangan berubah
Jikalau berubah padi sambang
Beranak tidak berpaha (cacat)
Ditimpa nika dengan pesaka.

Ini kemudiannya disahut oleh dato'-dato' lembaga dengan jawapan berikut:

Sabda dijunjung.

Penghulu Luak Ulu Muar juga mempunyai kuasa mutlak di luaknya. sekiranya Yamtuan mahukan kerja adat dibuat, penghulu memastikan semua dato' lembaga mempersetujuinya.

Sekiranya terdapat dato' lembaga yang enggan, penghulu berhak menghukum atau atas sebab-sebab melanggar titah Yamtuan. Mereka yang pernah menyandang pesaka Penghulu Luak Ulu Muar ialah seperti berikut:

Rajah 5: SENARAI PESAKA PENGHULU
LUAK ULU MUAR

Gelaran Pesaka	DATO' BENDAHARA SETIA MAHARAJA SETIA LELA PAHLAWAN			
Perut		Pasir Panjang	Gemetir	Kayu Ara
Penyandang secara kronologi	1. Naam			
	2. Mindek			
	3. Mopeng			
	4. Anjong			
	5. Jaalam			
	(tidak diketahui perutnya)	6. Talun	7. Abdul Malik (Dato' Bongkok)	
				8. Sidin (Zainal Abidin)
		9. Hashim	10. Jeilani	
				11. Muhammad
				12. Abu Zarin b. Sulaiman

(12. Penghulu Luak Ulu Muar sekarang)

Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman sejarah, telah berlaku beberapa kali pergolakan antara Penghulu Luak Ulu Muar dengan istana semenjak tragedi Dato' Penghulu Naam. Bagaimanapun pergolakan ini tidak membabitkan luak-luak yang lain di 'Tanah Mengandung'. Dato'-dato' lembaga di Ulu Muar telah mengambil inisiatif menyelesaikannya mengikut peraturan:

Ibarat memukul ular
Kayu jangan patah
Tanah jangan lembang
Ular biarlah mati.

BIBLIOGRAFI

1. A. Samad Idris (1960) : Takhta Kerajaan Negeri Sembilan,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
2. _____ (1968) : Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Kuala Lumpur; Utusan Melayu Bhd.
3. _____ dan Rakan-rakan, (1994) : Negeri Sembilan Gemuk
Berpupuk Segar Bersiram; Luak Tanah Mengandung,
Shah Alam; Malindo Printers Sdn. Bhd.
4. Buyong Adil, (1979) : Sejarah Johor, Kuala Lumpur; Dewan
Bahasa dan Pustaka.
5. Harun Che Su (1981) : Geografi Fizikal, Petaling Jaya,
Fajar Bakti Sdn Bhd.
6. Nurhalim Hj. Ibrahim, (1995) : Negeri Yang Sembilan,
Shah Alam; Fajar Bakti Sdn. Bhd.

ORANG SUMBER

Nama Tokoh : Dato' Hj. Idris B. Tain

Jawatan : Dato, Lembaga

Suku : Paya Kumbuh

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Senara Kaya

Nama Tokoh : Dato' Hj. Mohammad B. Said

Jawatan : Buapak

Suku : Biduanda Waris

Luak : Ulu Muar

Gelaran : Dato' Jong Kaya